

**BERJARAK, BERPISAH TIADA:
MADAGASKAR DAN MALAYONESIA MENURUT KACA MATA DAHL DAN ADELAAR**

MOHD TARMIZI HASRAH

mijihrasah@gmail.com

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia

Pengenalan¹

Dalam karyanya yang dilabel sebagai "sebuah buku yang terlalu bercita-cita tinggi", *The Austronesian Languages*, Bob Blust, setelah menghuraikan penyebaran kelompok-kelompok bahasa Austronesia yang ada di Taiwan, Malayonesia, Indonesia Timur dan di Lautan Pasifik, menlanjuti huraiannya tentang sebuah kawasan yang akrab dengan dunia Austronesia, tetapi lokasinya jauh dan terpencil daripada kawasan rasmi Austronesia. Blust dalam karyanya itu menulis begini: "*rather surprisingly, at the western edge of the Indian Ocean is a lonely outpost of the Austronesian world – the large, and geologically long-isolated island of Madagascar*" (Blust 2009: 1).

Madagaskar, sebuah pulau di timur Afrika, walau terpencil, tetapi diakui secara ijmak oleh para Austronesiawan sebagai sebuah kawasan yang menuturkan bahasa Austronesia. Disebabkan pulau ini secara geografinya terpencil daripada dunia Austronesia, maka ia tidak jarang menghadirkan seribu satu pertanyaan yang rumit buat para Austronesiawan, terutamanya kepada para ahli dalam linguistik sejarawi atau linguistik perbandingan, malah kepada yang bukan ahlinya yang rasmi pun, sebagaimana yang boleh kita jejak dalam sejarah pengelasan bahasa di pulau tersebut. Sebahagian daripadanya dinyatakan di bawah.

Antara tahun-tahun 1598-1599, Frederick de Houtman, pelaut dan pedagang Belanda, bersama anak-anak kapal *Amsterdam* tersadai di pantai Aceh. Mereka kemudiannya ditangkap, lalu dipenjarakan atas perintah Sultan Aceh. Setelah mendapat keampunan daripada Baginda Sultan, de Houtman pulang ke tanah airnya. Dalam pelayaran pulang, beliau singgah di sebuah pulau yang bernama Madagaskar. Barangkali disebabkan beliau kagum dengan bahasa yang dicerap di pulau itu, bahasa Malagasi, kerana menurut pendengarannya menyamai bahasa *Maleische* yang dikuasainya dengan baik (mujurlah beliau dipenjarakan di Aceh yang ketika itu menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi istana dan kerajaan), membuatnya terdorong untuk menulis sebuah kamus. Judulnya, *Spraek ende woordboeck*, terbit pada tahun 1603. Kamus yang melibatkan dua bahasa ini, *Maleysche-Madagaskarsche* yang diberikan padanan maknanya dalam *Nederlandsche*, secara tidak langsungnya merupakan yang terawal mengiktiraf persamaan bahasa Melayu dan bahasa Malagasi walaupun de Houtman tidak menyatakannya secara langsung.

¹ Tulisan ini dibentangkan dalam Sidang Meja Bulat: Melayu Cape Town & Madagaskar pada 17 Januari 2015 di Dewan Bahasa dan Pustaka. Jutaan terima kasih diucapkan kepada penganjur dan Dr. Mohammad Alinor kerana memberi peluang kepada saya untuk berkongsi sesuatu, yang diharapkan bermanfaat, dalam acara ini.

Ternyata de Houtman tidak berkeseorangan memperakui persamaan tersebut. Reland, pada tahun 1703, pernah menyatakan mengenai 'common language' yang dituturkan dari Madagaskar hingga ke Polinesia Barat; Hervas y Panduro, orang Sepanyol itu, pada tahun 1784 juga mengenal pasti adanya pemakaian 'common language' tetapi, sedikit berbeza dengan Reland, iaitu dari Madagaskar hingga ke Polinesia Timur; ilmuwan dan failasuf Jerman yang bitara, Wilhelm von Humboldt, dalam *Die Kawi-Sprache* yang terbit pada tahun 1836-1839, dan dalam sebuah karya lain yang merupakan pengenalan kepada karya bahasa Kawi itu, turut mengakui persamaan bahasa-bahasa yang ada di Filipina, Malaka, Sumatra, Java dan Madagaskar, yang tergolong dalam kelompok yang beliau gelar sebagai 'Malayan'; lihat ringkasan sejarah pengelasan bahasa Malagasi ke dalam rumpun bahasa Austronesia/Malayo-Polinesia antaranya dalam Adelaar (1995) dan Blust (2009).

Serumpun?

Persoalannya, apakah yang menyebabkan orang-orang seperti Frederick de Houtman, Reland, Panduro dan Humboldt mengambil kesendengan sedemikian? Tidak dapat dipastikan sama ada Reland dan Panduro mendapat peluang untuk berbual-bual dengan penutur bahasa Malagasi secara langsung dan bersemuka. Atau, mereka hanya mendapat maklumat melalui sumber kedua – misalnya, laporan para pelayar atau buku-buku mengenai *new world* yang pada waktu itu di Eropah laku seperti pisang goreng panas, maklumlah *the age of discovery* katakan; yang pastinya, Humboldt tidak pernah ke lapangan, beliau terkenal sebagai bahasawan 'kerusi malas'; yang pastinya juga de Houtman memang mendapat data secara langsung di lapangan melalui kunjungan beliau ke Madagaskar dalam perjalanan pulang ke Belanda – fasal tatakaedah yang dipakai de Houtman adalah persoalan lain.

Disebabkan de Houtman mengumpul data bahasa Malagasi di lapangan (mungkin melalui temu bual bersemuka beliau dengan penutur asli seperti pengumpulan maklumat bahasa Melayu yang beliau lakukan di Aceh, walaupun secara tidak sengaja sahaja), maka kita boleh membayangkan keadaan yang beliau depani apabila beliau memerhatikan orang-orang di Madagaskar berbual-bual sesama mereka. Mungkin ketika itu de Houtman, sebaik sahaja berlabuh di pelabuhan Madagaskar, tercengang-cengang, kehairanan tentunya, apabila mendengar sederetan kosa kata di bawah – dengan mengambil hanya beberapa contoh persamaan kosa kata Malagasi-Melayu; lihat Adelaar (1989, 2006) dan Dahl (1991):

Malagasi	Melayu
setra	sihir
sombily	sembelih
soratra	surat
fandra	padang
sotro	sudu
tratra	dada
landaizana	landasan
robake	rombak
orotra	urut
horita	gurita
fano	penyu

hoala	kuala
rivotra	rebut
firaka	perak

Ternyata, kosa kata ini tidak asing bagi de Houtman. Beliau menemuinya di Malayonesia (Acheh terutamanya, tempat beliau dipenjara), dan kini menemuinya kembali di Madagaskar – malah, kata *sombily* turut dijadikan entri kamus beliau (Dahl 1991). Bagi penutur bahasa Melayu, walau dengan hanya secercah mata, kosa kata di atas juga tidak kedengaran asing. Walaupun terdapat perbezaan yang menonjol dari segi tatabunyi (fonologi), misalnya *-tr-* ~ *-d-*, dan perbezaan makna (semantik), misalnya *sombily* “penyembelihan untuk pemujaan” dengan *sambelih* “penyembelihan mengikut syariat Islam” (Adelaar 1989: 4; Dahl 1991: 17), namun persamaannya masih boleh dikesan dengan jelas.

Persamaan yang disebut di atas itu menuntut sedikit huraian. Ini kerana pada gejala tersebutlah bermuaranya spekulasi, andaian, hipotesis dan teori mengenai hubungan bahasa Malagasi dengan bahasa-bahasa di Malayonesia, atau Austronesia. Persoalan asasnya, apakah yang menyebabkan persamaan itu?

Pinjaman, kebetulan & warisan

Dalam linguistik perbandingan sejarawi, terdapat tiga gejala yang dikaitkan dengan persamaan antara bahasa: pinjaman, kebetulan dan warisan (Crowley & Bower 2010). Ketiga-tiganya dapat kita ringkaskan begini: persamaan dari segi pinjaman bererti menyerap kosa kata daripada bahasa lain (bahasa sumber) ke dalam bahasa sasaran; kebetulan merujuk kepada persamaan yang muncul secara tidak sengaja lazimnya di antara bahasa yang tidak serumpun; manakala persamaan dari segi warisan adalah persamaan yang diwariskan daripada bahasa induk.

Secara prinsipnya, tidak seperti persamaan yang disebabkan warisan, persamaan dari segi pinjaman dan kebetulan tidak berupaya menjadi bukti kukuh bagi menyelak keakraban hubungan sesebuah bahasa. Bagaimanapun, prinsip ini ada kekecualian. Ada sedikit kelonggaran untuk pinjaman, kerana harus mempertimbangkan alur/saluran peminjaman. Kita boleh mengambil contoh di atas untuk memahami maksudnya.

Dalam contoh di atas, tiga kosa kata pertama adalah pinjaman bahasa Arab. Untuk mempertimbangkan saluran, pertanyaan ini perlu diajukan: bagaimanakah kosa kata ini terserap masuk ke dalam bahasa Malagasi? Adakah menerusi pinjaman secara langsung daripada bahasa Arab? Atau, terdapat bahasa perantaraan yang menyalurkan kosa kata tersebut? Jika bukti menunjukkan kemasukannya adalah disebabkan pinjaman secara langsung (posisi yang diambil Dahl), maka kosa kata itu tidak berkaitan untuk dijadikan bukti mengenai hubungan linguistik Madagaskar dengan Malayonesia; akan tetapi, jika kosa kata tersebut terserap ke dalam bahasa Malagasi menerusi perantaraan bahasa Melayu (posisi yang diambil Adelaar), maka ia boleh menjadi bukti yang berkaitan, lantas tidak boleh dikesampingkan begitu sahaja.

Gejala yang wajar diteliti

Persamaan yang wujud antara bahasa Malagasi dan bahasa Melayu sebagaimana yang dibayangkan menerusi beberapa kosa kata di atas membuatkan para Austronesiawan tidak boleh duduk diam – senantiasa dalam keadaan menggelepar; perasaan ingin tahu yang teramat sangat sering membuak-buak; pertanyaan 'mengapa' kerap kali berkumandang, berdengung-dengung tanpa henti. Apa tidaknya, “*the position of Malagasy among the Malayo-Polynesian languages is a curious one*”. Oleh sebab itulah penelitian mengenainya “*never fails to arouse interest*” (Dyen 1957: 577).

Masakan tidak menimbulkan rasa “*curious*” dan rasa ingin tahu yang teramat sangat kepada para Austronesiawan, persamaan linguistik yang terang-terangan melayakkan bahasa Malagasi dikelompokkan ke dalam bahasa Austronesia, sedangkan kedudukan geografi pulau Madagaskar terletak nun jauh di Lautan Hindi, di timur Afrika, sangat terasing daripada penutur kelompok bahasa tersebut. Pelik, bagaimana boleh terjadi demikian?, kata mereka.

Persamaan linguistik yang nyata dan kedudukan geografi yang terasing secara tidak langsungnya menjelmakan dua persoalan penting: bagaimanakah para penutur Austronesia sampai ke Madagaskar? dan, bolehkah dijejaki bahasa penutur ini dengan lebih tepat, bukan sekadar menggunakan label umum seperti Malayo-Polinesia atau Austronesia? (Dyen 1953: 577). Mudah-mudahan, dua persoalan ini boleh dicantumkan menjadi satu: persoalan asal usul penghuni di pulau Madagaskar – sebuah persoalan yang dikatakan Gwyn Campbell (2005) sebagai “*one of the last great historical mysteries*”.

Memang, ramai peneliti yang cuba memberi jawapan terhadap persoalan di atas. Teori dan spekulasi berlimpahan daripada ahli sejarah, ahli kaji purba, ahli bahasa, ahli kaji tumbuhan purba dan ahli genetik yang mengutarakan cerapan masing-masing. Semuanya ada teori dan spekulasi berdasarkan bukti yang ditemui. Walau bagaimanapun hanya teori dan spekulasi ahli bahasa yang akan dipaparkan di sini. Namun, tidak semua ahli bahasa yang terlibat dipaparkan, sebaliknya hanya buah fikir dua orang inilah yang akan ditelanjangi; kedua-duanya ahli bahasa Austronesia/Austronesiawan: Otto Christian Dahl dan Karl Alexander Adelaar.

Dahl – 1951

Dahl menulis sebuah karya monumental tentang hubungan Malagasi-Austronesia berjudul *Malagache et Maanjan: Une comparaison linguistique*. Karya ini merupakan disertasi kedoktoran beliau di Universiti Hamburg, Jerman, yang diselia oleh pemrakarsa rekonstruksi bahasa Austronesia purba, Otto Dempwolff, dan dibantu oleh Walther Aichele. Disertasi ini, yang ditulis dalam bahasa Perancis, kemudiannya diterbitkan oleh *Avhandlingar utgitt av Egede-Institutet*, yang berpusat di Oslo, Norway; disebabkan kekangan bahasa, maka rumusan di sini dibuat berdasarkan sorotan Dyen (1953) dan sedikit-sebanyak ulasan mengenainya yang terdapat dalam Blust (2009) dan beberapa tulisan Adelaar – lihat rujukan.

Dalam *Malagache et Maanjan*, Dahl mengemukakan teori mengenai hubungan bahasa di pulau Madagaskar dengan bahasa-bahasa di Malayonesia, atau yang

lebih luasnya bahasa-bahasa Malayo-Polinesia atau Austronesia. Walaupun keraguan bermunculan di sana-sini, namun teori yang diutarakan oleh Dahl itu, menurut Blust (2009: 61) adalah "*the most significant scholarly achievement*", dan menurut cerapan Adelaar (1989: 1) adalah yang paling sistematik, dan yang paling meyakinkan, yang pernah dihasilkan ilmuwan mengenai asal usul bahasa di pulau Madagaskar; malah, ia sehingga sekarang pun "*remain unchallenged*" (Adelaar 1995: 352).

Keakraban linguistik yang dimaksudkan Dahl, iaitu antara Malagasi dan Maanyan, terserlah sekurang-kurangnya terserlah dari segi sintaktik (morf fonologi, morfologi, morfosintaksis), kosa kata dan perubahan bunyi (fonetik dan fonologi). Dari segi kosa kata dan perubahan bunyi, bahasa Malagasi (dialek Merina) dan dialek-dialeknya yang lain memperlihatkan banyak persamaan dengan bahasa-bahasa Austronesia. Menurut Dahl, terdapat sejumlah 30 (mengikut kiraan Dahl; Adelaar kemudiannya menambah tiga kosa kata) kosa kata Sanskrit dalam bahasa Madagaskar (pinjaman luaran). Dan, kosa kata ini, menurut Dahl, turut ada dalam bahasa Melayu dan Jawa.

30 kosa kata Sanskrit berkognat (kata yang memiliki persamaan bentuk dan makna) yang ditemui Dahl dalam bahasa Malagasi, Melayu dan Jawa menghadirkan persoalan penting yang jawapannya memberi kesan kepada teori asal usul bahasa Malagasi yang dikatakan berasal dari kawasan penutur bahasa Austronesia, dan juga penentuan tarikh penghijrahannya. Persoalan itu adalah: bagaimana kosa kata Sanskrit tersebut terserap ke dalam bahasa Malagasi? Atau, persoalan yang berkaitan: disebabkan bahasa Melayu dan Jawa turut memiliki kosa kata tersebut, adakah ini bererti Malagasi meminjamnya daripada kedua-dua bahasa itu?

Dengan tegas (mungkin) Dahl mengatakan tidak. Baginya, sama ada Melayu, Jawa atau Malagasi, ketiga-tiganya meminjam secara terus daripada Sanskrit, dan mengekalkannya ke dalam bahasa masing-masing. Kita tentunya dapat mengagak yang peminjaman ini mungkin terjadi sebelum penutur Malagasi berhijrah ke Madagaskar – bagaimana mahu meminjam kalau sudah berhijrah! Dan ini secara tidak langsungnya melemparkan persoalan mengenai tarikh penghijrahan ke tengah-tengah gelanggang. Jika ketiga-tiga bahasa tersebut meminjam secara terus, soal Dahl, maka tarikh peminjaman tentunya terjadi ketika pengaruh pengindiaan sedang membuak-buak di Malayonesia. Abad ke-4 dan ke-5 menjadi pilihan Dahl. Sebab, dalam rentang masa itulah terpacatnya batu bersurat Kutai untuk Raja Mulawarman, ditulis dalam aksara Palava, yang ditemui di muara Sungai Kaman, Kalimantan.

Ini adalah satu bukti bagi menguatkan teorinya. Nampak kukuh, kerana ada bukti sokongan daripada fakta sejarah – batu bersurat. Akan tetapi, ada hal lain disebalik kekukuhan itu: sandaran bukti dan pentafsiran. Terkait dengan hal ini, dengan sandaran hanya kepada 30 kosa kata, tiang seri teori Dahl masih lemah. Lebih-lebih lagi kosa kata yang dijadikan sandaran itu merupakan kata pinjaman, dan dikongsi pula dengan bahasa Melayu dan Jawa yang terkenal sebagai bahasa 'imperialis' – dalam pengertian 'memaksa' bahasa-bahasa lain mengikuti aturannya.

Perkongsian seperti itu menimbulkan pertanyaan. Mungkin hal yang sebenarnya bukan perkongsian melalui peminjaman bersama secara terus daripada Sanskrit, tetapi bahasa Malagasilah yang meminjam daripada bahasa Melayu dan Jawa. Ertinya,

bahasa Melayu dan Jawa adalah bahasa sumber yang menyalurkan kosa kata Sanskrit ke dalam bahasa Malagasi. Kita akan lihat nanti, pertanyaan inilah yang menjadi bidikan Adelaar dalam sanggahan beliau terhadap beberapa asas teori Dahl. Jadi, hal itu tidak perlulah dilanjutkan lagi kerana tempatnya akan menyusul nanti.

Jadi, Dahl memerlukan bukti lain: kosa kata warisan dan kosa kata pinjaman dalaman (pinjaman daripada dialek atau bahasa serumpun). Dengan menjadikan kosa kata warisan ini sebagai bahan analisis, bererti bahasa Malagasi diturunkan daripada induk yang sama, bahasa Austronesia Purba. Maka, teorinya secara tidak langsung mendapat sandaran yang agak kukuh. Namun, kosa kata warisan kurang membantu ke arah penentuan tempat para penghijrah Madagaskar berasal. Sebab, kosa kata jenis ini mungkin boleh muncul dalam semua bahasa Austronesia. Jikalau semua ada, aduh, pastinya sukar sekali untuk menentukan tempatnya. Bagaimanapun, masalah ini tidak menggugat keyakinan Dahl yang Borneo adalah pilihan tepat sebagai kawasan asal penutur bahasa malagasi. Hal ini disebabkan bantuan yang diberikan oleh 30 kosa kata Sanskrit dan batu bersurat Kutai itu. Jadi, tempatnya, pada Dahl, masalah Borneo. Cuma, kawasan spesifik di Borneo itu sahajalah yang masih menjadi persoalan.

Mujurlah persoalan kawasan spesifik juga berjaya dirungkai. Menerusi analisis perubahan bersama (*share innovation*) dalam aspek tatabunyi dan kosa kata pinjaman dalaman, Dahl menarik kesimpulan bahawa hubungan bahasa Malagasi akrab dengan bahasa Maayan dari segi perkongsian ciri khas yang menjadi perubahan bersama setelah kedua-dua bahasa ini berpisah daripada bahasa induknya. Kesimpulan ini kemudiannya diuji dan disahkan oleh Dyen (1953) menerusi kaedah leksikostatistik. Dari segi kosa kata pinjaman dalaman pula, bahasa Malagasi banyak mengandungi kata pinjaman Melayu Banjar, yang turut muncul dalam bahasa Maanyan. Pinjaman daripada Melayu Banjar tidak menghairankan kerana kedua-dua etnik, Maanyan dan Banjar, tinggal di kawasan berhampiran, tenggara Borneo; malah orang Banjar kerap melakukan ekspansi wilayah ke kawasan orang Maanyan yang kemudiannya, menurut Dahl (1991), menjadi sebab berhijrahnya orang Maanyan ke Sumatra.

Adelaar - 1989

Adelaar (1989) mentafsir semula penemuan dan teori Dahl (1951). Dalam makalah yang kritis terhadap Dahl ini, ada persoalan penting yang dibangkitkan Adelaar mengenai pengaruh bahasa Maayan atau bahasa-bahasa lain dalam kelompok tenggara Barito (istilah yang pertama kalinya dipakai oleh ahli antropologi, A. B. Hudson bagi merujuk kepada sekelompok bahasa 'Dayak' yang akrab di tenggara Borneo) yang dikatakan Dahl menjadi bahasa penyalur kosa kata Sanskrit ke dalam bahasa Malagasi. Letak duduk persoalannya begini: disebabkan bahagian tenggara Kalimantan tidak mengalami keadaan yang digelar sebagai proses pengindiaan, maka cara kosa kata Sanskrit terserap masuk ke dalam bahasa Malagasi tidak jelas. Dan, analisis Dahl pun tidak membantu penjelasannya.

Mengenai perkara ini, walaupun batu bersurat Raja Mulawarman yang ditemui di muara Sungai Kaman, yang menjadi sandaran kuat Dahl terhadap teorinya itu, dipahat menggunakan aksara Sanskrit/Palava, namun pulau Borneo yang terkenal sebagai sebuah kawasan yang berhutan belantara itu, tetap kebal daripada

menyerap kebudayaan India atau Hindu (Blust 2009: 61). Bahkan kita boleh membandingkannya dengan keadaan Borneo sekarang pun, yang sangat jelas menjadi bukti bagi menolak adanya pengindiaan atau penghinduan itu.

Maka itu, teori penghijaran Dahl kelihatannya sedikit bermasalah. Tiang serinya mula bergoncang – tetapi, seperti yang dikesan dalam perbincangan mendatang, tiang serinya tetap tegak, tidak runtuh. Dengan mempersoalkan kewujudan proses pengindiaan di tenggara Kalimantan dan Borneo keseluruhannya, membayangkan penghijaran ke Madagaskar sebenarnya tidaklah seperti yang Dahl teorikan: dari tenggara Kalimantan terus sahaja mengharungi segara luas, Lautan Hindi, untuk ke sebuah pulau terpencil di sebelah timur benua Afrika, Madagaskar. Bagaimana mungkin terjadi penghijaran sedemikian? Bagaimana mungkin kosa kata Sanskrit sampai ke Madagaskar menerusi bahasa Maanyan sedangkan pengindiaan tidak terjadi di Borneo? Atau, pertanyaan lainnya, bagaimana bahasa Maanyan memperoleh kosa kata Sanskrit itu? Tentu ada bahasa lain yang menjadi penyalurnya, dan inilah yang cuba dibuktikan oleh Adelaar.

Dalam perbincangannya mengenai kata pinjaman, Adelaar membuktikan banyak kosa kata Malagasi bukan hanya warisan daripada induknya, bahasa Austronesia Purba (BAP – bahasa Austronesia yang diandaikan menjadi induk sebelum penghijaran keluar Taiwan) atau bahasa Melayu-Polinesia Purba (BMP – cabang Austronesia di luar Taiwan setelah penghijaran), tetapi turut mengandungi kosa kata pinjaman daripada bahasa Melayu (Sumatra) dan Jawa; Adelaar menumpukan segenap perhatian mengukuhkan cerapan beliau dalam beberapa tulisan yang lain seperti Adelaar (1994, 1995, 2005, 2009) antaranya dengan memasukkan bahasa di Sulawesi Selatan (bahasa Bugis terutamanya) dan Ngaju Dayak sebagai sumber peminjaman selain bahasa-bahasa Barito. Tidak seperti Dahl yang hanya terbatas pada peminjaman bahasa-bahasa di Kalimantan. Adelaar lebih pelbagai. Kepelbagaian sumber menjadikan gambaran mengenai gejala peminjaman dalam bahasa Malagasi lebih kosmopolitan – isu yang banyak dibicarakan dalam tulisan-tulisan beliau yang terkemudian. Persoalannya, apakah implikasi peminjaman seperti ini kepada teori penghijaran Dahl?

Dengan hanya melorongkan cerapan ke atas bahasa-bahasa di tenggara Kalimantan, tentunya tidak menghairankan jika Dahl beranggapan terjadinya penghijaran terus dari Borneo ke Madagaskar. Sebab, tidak ditemui jejak bahasa Austronesia lain (melainkan BAP) dari luar pulau Borneo dalam bahasa Malagasi. Ertinya, nenek moyang penutur bahasa Malagasi mungkin tidak pernah berkontak atau berhubung dengan penutur bahasa Melayu di luar Borneo sebelum mereka berhijrah. Melainkan hanya satu: bahasa Melayu Banjar. Itu pun masih melekat di Borneo. Sisi yang diambil Adelaar telah mencabar tanggapan rasmi Dahl. Banyaknya kosa kata pinjaman bahasa-bahasa dari luar Borneo membawa maksud semua bahasa ini pernah berkontak, pernah berhubung, sebelum penghijaran terjadi. Dan yang paling pentingnya, Adelaar menegaskan, bahasa Melayu, maksudnya Melayu Sumatra, paling mendominasi berbanding bahasa-bahasa lain.

Jika demikian, tentunya pulau Sumatra ada peranan tertentu dalam misteri asal usul Malagasi. Ini dibenarkan Adelaar. Pada Adelaar, peminjaman kosa kata Melayu

Sumatra membayangkan dua kemungkinan: i) penghijrahan terjadi dari Sumatra ke Madagaskar; dan, ii) jika Sumatra bukan tempat bermulanya pelayaran meredah Lautan Hindi, maka peranan penutur bahasa Melayu Sumatra perlu diteliti lagi, kerana mungkin mereka inilah, atau penutur bahasa Melayu inilah, yang membawa nenek moyang penutur bahasa Malagasi berhijrah sama ada terus dari Kalimantan atau Sumatra. Walaupun ada dua kemungkinan, Adelaar mengambil kesendengan terhadap yang pertama: penghijrahan terjadi dari Sumatra. Kesendengan ini mengambil kira kewujudan Kedatuan Srivijaya antara abad ke-7M hingga ke-13M sebagai empayar dan kuasa maritim terkuat di Malayonesia ketika itu. Abad ke-7M dipilih Adelaar sebagai tarikh penghijrahan. Maka, ini secara tidak langsungnya menolak tarikh penghijrahan yang dicadangkan Dahl antara abad ke-5M dan ke-6M itu.

Adelaar tidak berhenti sekadar itu. Tafsiran Dahl mengenai 30 kosa kata Sanskrit (33 mengikut kiraan Adelaar) menarik perhatian beliau kerana ia sangat sentral dalam usaha menyelesaikan misteri penghijrahan. Akan tetapi, menerusinya pun pertanyaan tetap bermuara, demikian keluh Adelaar. Ternyata pertanyaan bagaimana kosa kata Sanskrit muncul dalam bahasa Malagasi? tetap bergema. Nampak gayanya Dahl masih belum berupaya menjelaskan secara saksama mengenai kewujudan kosa kata Sanskrit dalam bahasa Malagasi. Kalau tidak, masakan Adelaar masih bertanya demikian? Untuk menjawab pertanyaannya sendiri, Adelaar menganalisis semula 30 kosa kata Sanskrit yang didakwa Dahl sebagai pinjaman daripada bahasa Maayan dan bahasa-bahasa dalam kelompok tengara Barito. Apakah hasilnya?

Pertama, Adelaar membuat perbandingan dengan bahasa-bahasa lain (memang inilah kerja hakiki ahli linguistik perbandingan). Hasilnya, ternyata bahasa Melayu dan Jawa turut memiliki kosa kata berkenaan. Bagaimana tafsiran Adelaar mengenai penemuan ini? Mengenangkan superioriti bahasa Melayu (Sumatra) dalam menyalurkan kosa kata ke dalam bahasa Malagasi dan kewujudan Kedatuan Srivijaya bersama-sama dengan proses pengindiaan ketika berkuasanya kerajaan maritim ini. Maka, simpul Adelaar, bukan bahasa dalam kelompok Barito, tetapi bahasa Melayu di Sumatra (dan Jawa) yang menjadi bahasa sumber penyaluran kosa kata Sanskrit ke dalam bahasa Malagasi. Ini mengukuhkan tanggapan Adelaar mengenai Sumatra sebagai tanah terakhir yang menjadi tempat hunian penutur awal bahasa Malagasi sebelum belayar ke Madagaskar.

Ada satu hal penting yang ditimbulkan Adelaar, tetapi tidak mendapat perhatian Dahl (1951). Hal itu adalah kemungkinan terjadinya perhubungan berterusan walaupun selepas penghijrahan pada abad ke-7M itu. Dengan cerapan ini Adelaar berupaya mengemukakan teori mengenai kemunculan Islam di kawasan sebelah timur Madagaskar. Teori Adelaar: Islam di kawasan ini diperkenalkan oleh para penghijrah dan kontak yang berterusan dengan orang-orang dari Malayonesia, terutamanya orang Melayu. Dua bukti diutarakan Adelaar yang menopang teori ini, etimologi dan tulisan Sarobe.

Mengenai etimologi, dua kosa kata bahasa Malagasi menjadi objek analisis: *setra* dan *sombily*. Kedua-dua kata ini, menurut Adelaar, muncul dalam bahasa Malagasi

menerusi bahasa Melayu: *setra* < *ilmu sihir/sihr* (Mel) < *sihr* (Arb); *sombily* < *sambelih* (Mel) < *bismillah* (Arb); *soratra* < *surat* (Mel) < *surah* (Arb). Selain etimologi, sistem tulisan juga tidak lekang daripada cerapan Adelaar: tulisan Sarobe. Tulisan ini dipakai oleh masyarakat Islam di sebelah timur Madagaskar. Adelaar berpendapat tulisan Sarobe banyak memperlihatkan persamaan dengan tulisan Jawi, terutamanya bentuk Pegon yang terdapat di Jawa, dari segi penambahan tanda diakritik terhadap konsonan (huruf) tertentu; malah, nama Sarobe sebenarnya beretimologikan kata Melayu, *surat*.

Dahl – 1991

Kritikan, analisis ulang dan kesimpulan Adelaar memberi kesan yang agak banyak juga kepada tulisan beliau pada tahun 1951 itu. Buktinya, Dahl menghadirkan buku ini sebagai tanggapan balas kepada Adelaar, dan juga kepada Dahl (1951).

Dalam karya ini, Dahl melihat kembali teori dan analisis yang beliau utarakan pada tahun 1951 dek kerana penilaian kritis Adelaar (1989). Beliau menerima cerapan Adelaar mengenai kemungkinan penghijrahan ke Madagaskar terjadi dari Sumatra. Cerapan Adelaar bererti, orang Maanyan tidak langsung berhijrah ke Madagaskar, tetapi berhijrah ke Sumatra terlebih dahulu, sebelum meneruskan penghijrahan ke Madagaskar. Akan tetapi, ada persoalan yang tidak dijelaskan Adelaar, iaitu jika demikian lalunya, bagaimana dan mengapa orang Maanyan ke Sumatra? Dapatkah jejak-jejak mereka di pulau itu ditelusuri? Inilah yang cuba dijawab oleh Dahl.

Persoalannya, mengapa orang Maanyan berhijrah ke Sumatra? Semuanya, menurut Dahl, ada kena mengena dengan kelangsungan hidup di kawasan hunian asal mereka. Ekspansi orang Banjar ke kawasan hunian orang Maanyan telah memaksa sebahagian daripada mereka mencari kawasan baru. Dan, mengikut Dahl, kawasan itu ialah Sumatra kerana kesesuaian persekitaran dan tanah-tanahnya.

Namun, pertanyaan masih ada: Sumatra di kawasan mana? Jawapan kepada pertanyaan ini penting. Sebab, ia membantu merungkai jejak-jejak tempat tinggal orang Maanyan di pulau tersebut. Menurut Dahl, Kota Kapur, di pulau Bangka, adalah kawasannya. Kawasan ini dipilih disebabkan tanahnya yang subur dan persekitarannya yang menyamai tanah asal yang telah mereka tinggalkan di Borneo. Dahl ada bukti mengenai penghijrahan ke Kota Kapur, iaitu batu bersurat Kota Kapur. Dahl memakai alasan linguistik sebagai pewajaran terhadap cerapan beliau itu. Menurut Dahl, batu bersurat Kota Kapur memperlihatkan pemakaian kata pembuka (...*paihumpaan*...) dan struktur linguistik bahasa Maanyan. Dahl mengatakan yang struktur linguistik pada batu bersurat itu adalah "*Old Maayan*".

Selain struktur linguistik, Dahl turut menjadikan kandungan batu bersurat sebagai pewajaran tambahan. Tujuan batu bersurat Kota Kapur dipahat, menurut Dahl, adalah dengan maksud untuk menyampaikan sumpahan terlaknat kepada penderhaka atau pemberontak (kata *ulu lavan* dalam batu bersurat itu ditafsirkan sebagai 'kepala pemberontak'; dengan *ulu* < Malayik Purba **qulu* yang bererti 'kepala') yang tidak mahu takluk kepada Kedatuan Srivijaya. Jika benar batu bersurat Kota Kapur ditujukan kepada orang Maanyan, maka alasannya boleh difahami memandangkan orang

Maanyan sangat bermusuhan dengan orang Melayu disebabkan perampasan tanah mereka oleh Melayu Banjar. Maka, sudah pastinya mereka tidak akan tunduk kepada mana-mana kerajaan yang bersifat Melayu.

Namun, Dahl (59) mengeluh, walaupun dengan bukti batu bersurat, pemilihan Bangka masih meninggalkan persoalan yang tidak beres. Pertama, "*are there any indications of an early immigration from SE Kalimantan on Bangka?* Ternyata jawabannya melegakan. "*A positive answer to this question*", tulis Dahl, "*...came to me when I received the draft of what was later published as "Lom-Indonesian-English and English-Lom wordlist"*". Siapakah orang Lom?

Orang Lom merupakan etnik peribumi menghuni di utara pulau Bangka, di sebelah timur Belinyu di Teluk Klabat. Jadi, Dahl beranggapan orang Lom ini adalah waris para penghijrah daripada tenggara Kalimantan; dakwaan Dahl ini kemudiannya disangkal oleh Nothofer (1995) yang tidak menemui persamaan linguistik memadai untuk dikaitkan dengan Maanyan. Pewajaran Dahl mengenai perkara ini ada dua: Maanyan dan Lom memiliki persamaan dari segi linguistik (terutamanya perkembangan fonetik) dan persamaan dari segi kebudayaan (dua sisi roh dan upacara pengebumian).

Kedua, bagaimanakah orang Maanyan boleh sampai ke Madagaskar, tanya Dahl, sedangkan orang Maanyan bukan pelaut dan tidak pula mahir dalam ilmu pelayaran – mungkin hanya mahir dalam pelayaran sungai? (85). Kekangan ini tentunya menghalang mereka daripada melakukan pelayaran yang sedemikian jauh dan mencabar merentasi Lautan Hindi. Namun, faktanya mereka tetap sampai; cucu-ciciknya tetap bernafas dan mencorakkan warna-warni kehidupan di Madagaskar. Bagaimanakah ini mungkin terjadi?

Pada Dahl, kedatangan orang Maanyan ke Madagaskar bukanlah bersendirian; orang Maanyan tidak mengharungi lautan luas dengan usaha pelayaran mereka sendiri. Mereka sebaliknya telah dibawa ke situ. Oleh siapa? Untuk menjejaknya, Dahl menyelongkar sejarah empayar maritim Srivijaya. Batu bersurat Kota Kapur sekali lagi menjadi objek cerapannya. Batu bersurat ini, menurut Dahl (92), dipahat ketika Raja Srivijaya mahu menjadikan Palembang sebagai pusat perdagangan yang menghubungkan China dan Barat. Bagi memastikan keinginan ini berjalan lancar, perlu dilibatkan para pelayar yang telah sedia-ada bergiat dalam kegiatan perdagangan maritim sejak sekian lama.

"*Who are these people?*", tanya Dahl (92). Mereka ialah orang Sekak. Orang Lom memanggilnya Bajek Laut. Kita biasanya mengenali mereka sebagai Bajau Laut. Orang Sekak atau Bajau, menurut Dahl (96), "*were the transporters of the Ma'anyan people to Madagascar*". Terdapat jejak orang Sekak/Bajau di Madagaskar, iaitu di sebelah barat daya pulau tersebut. Menurut Dahl, di antara muara Sungai Tsiribihina dan Onilahy tinggal sekelompok etnik yang dipanggil sebagai Vezo. Dengan menyandarkan pada bukti linguistik (kehadiran konsonan hentian glotis, /ʔ/, dalam dialek Vezo), upacara pengebumian (dengan kepala si mati menghadap ke barat) dan persamaan amalan gaya hidup di darat dan di laut, Dahl (103) beranggapan

"...that the Vezo are descendants of the Orang Laut/Bajau in the Riau-Bangka area"; malah, nama 'Vezo' juga membayangkan perubahan tatabunyi daripada 'Bajau'.

Bagaimana pula dengan kedatangan Islam yang dikatakan Adelaar dibawa oleh orang Melayu? Adakah Dahl ada memberi sebarang tanggapan balas? Kelihatannya isu tersebut mengganggu naluri akademiknya. Apa tidaknya di halaman awal lagi Dahl (hlm. 16-22) sudah pun menolak teori Adelaar. Beliau tetap berpendapat yang agama Islam di Madagaskar dibawa oleh orang Arab, maka menafikan adanya perhubungan yang berterusan selepas penghijrahan yang awal. Alasan penolakan Dahl adalah: i) kewujudan komuniti Arab di sebelah timur Madagaskar; ii) etimologi; dan, iii) tulisan Sarobe. Dua alasan terakhir bertujuan untuk menyanggah analisis Adelaar sebelumnya.

Dahl berpangkal pada penemuan arkeologi sebagai sandaran terkuat beliau untuk menolak teori Adelaar. Dua penemuan arkeologi iaitu wang emas bertarikh 515H yang ditemui dalam sebuah kubur, pada Dahl, menunjukkan adanya komuniti Arab yang menghuni kawasan timur laut Madagaskar seawal tahun 1121-1122M. Bagi memperkuat alasan penolakan beliau lagi, Dahl turut tidak bersetuju dengan etimologi Adelaar. Padanya etimologi Adelaar itu tidak tepat: *setra* tidak berasal daripada kata Melayu *sihir/seher* kerana bentuknya yang sama sekali berkontras; *sombily* bukan daripada *sembelih* yang berubah daripada *bismillah*, tetapi daripada *sabbil* dan *sabbala*; etimologi untuk kata yang kedua ini ditolak oleh Versteegh (2001) yang memetik entri kamus William Lane bahawa kata *sabbil* dan *sabbala* terbit daripada *sabil Allah* yang langsung tidak ada hubungan semantik dengan *sombily*. Dahl melanjutkan bahawa tulisan Sarobe bukan dipengaruhi tulisan Jawi atau Pegon, tetapi oleh tulisan Arab Yaman. Demikian tiga alasan Dahl bagi menolak Adelaar. Kita nantikan apa pula tanggapan balas Adelaar.

Adelaar – 1995, dan penelitian pada tahun-tahun selanjutnya

Hampir 75% perbincangan dalam Dahl (1951) berlegar pada suatu perkara: mengesahkan teori bahawa moyang penutur bahasa Malagasi di Madagaskar adalah orang Maanyan, yang berhijrah ke pulau tersebut dari Sumatra, atau tepatnya dari pulau Bangka. Sebagaimana yang dinyatakan, bukti terkuat teori ini ialah batu bersurat Kota Kapur yang baris-baris pengenalannya mengandungi bentuk "*old Maayan*". Adelaar (339) walau bagaimanapun menolak sandaran kuat Dahl pada batu bersurat tersebut kerana bahan tersebut "*hardly capable of translation, and any interpretation remains speculative*".

Bukti lain seperti bahasa dan amalan pengebumian orang Lom yang dianggap Dahl menyamai amalan yang ada di Madagaskar juga disangkal Adelaar (340). Menarik untuk ditampikan alasan penolakan Adelaar tentang penyamaan amalan pengebumian ini. Bagi Adelaar, kesimpulan Dahl bermasalah dari segi prinsip kerana Dahl membandingkannya dari segi persamaan yang rawak atau persamaan yang diwarisi sejak turun-temurun oleh masyarakat Austronesia secara umum. Sepatutnya, Adelaar berhujah, perbandingan amalan pengebumian seperti yang cuba dibuat oleh Dahl perlu mempertimbangkan dua perkara: i) mentafsirkan amalan pengebumian berdasarkan konteks budaya dan kosmologi masyarakat atau kawasan yang diteliti; dan, ii) ilmu mengenai amalan pengebumian yang ada dalam

masyarakat Austronesia secara umum. Tanpa kedua-dua perkara ini, sebarang perbandingan akan "*misled by superficial 'look-alikes' rather than search for significant regularity in agreement*" (341) seperti yang terimplikasi daripada penelitian Dahl.

Adelaar tidak menolak teori Dahl mengenai kemungkinan pulau Bangka sebagai penghubung para penghijrah Maanyan ke Madagaskar. Kerisauannya hanya memikirkan betapa tohorna dasar perbandingan yang dipakai Dahl: hanya terbatas pada etnik, kawasan dan amalan kebudayaan tertentu. Walau bagaimanapun tidak semua perbandingan Dahl tohor. Salah satunya saluran peminjaman oleh bahasa Malagasi. Walaupun kita melihat Dahl banyak tertumpu pada saluran bahasa-bahasa kelompok Barito dan Melayu, tetapi beliau turut juga mengandaikan adanya bahasa-bahasa lain. Bukan hanya Dahl, tetapi kesemua bahasawan Austronesia yang merungkai asal-usul Malagasi sebaris dengan pegangan bahawa bahasa Malagasi mengandungi kosa kata pinjaman Melayu dan bahasa-bahasa lain erta mengekalkan kosa kata BAP. Namun Dahl dan para peneliti ini berbeza mengenai indentiti bahasa-bahasa lain itu.

Adelaar (1995), selain menekankan mengenai bahasa Melayu, Jawa, Barito dan Ngaju Dayak, mencadangkan bahasa Malagasi turut meminjam kosa kata daripada bahasa Sulawesi Selatan terutamanya Bugis. Beliau menampilkan 16 kosa kata yang etimologinya berpangkal pada bahasa Bugis. Mungkin Adelaar benar dalam analisis beliau. Sebab, Bugis sejak sekian lama terkenal sebagai bangsa pelaut. Banyak kosa kata yang 16 itu merupakan kosa kata yang berkaitan dengan aktiviti kelautan. Namun timbul juga persoalan di sini: bilakah Malagasi meminjam kosa kata berkenaan? Pada Adelaar (350) kosa kata berkenaan dipinjam sebelum penghijrahan ke Madagaskar. Sebabnya munasabah: bahasa Barito juga memiliki kosa kata yang sama.

Dalam pada itu, seperti yang kita jangkakan, Adelaar tetap bertahan dengan cerapannya mengenai perhubungan selepas penghijrahan pertama, dan berterusan sehingga Malayonesia memeluk Islam; pendirian ini terus dipertahankan dalam tulisan yang lain (Adelaar 2009). Mengenai kritikan Dahl (1991), Adelaar menerima alasan Dahl mengenai etimologi *setra* yang bukan dipinjam daripada kata Melayu *sihir/seher*. Penerimaan ini walau bagaimanapun tidak langsung menggugat pendirian asal beliau.

Otto Christian Dahl meninggal dunia pada tahun 1995. Legasi penelitian Madagaskar yang beliau lakukan terabadi dalam tulisan-tulisan (sama ada dalam bahasa Inggeris atau Perancis) yang terus-terusan dirujuk oleh para peneliti. Adelaar tidak berhenti dengan kematian Dahl. Beliau tetap terus meneliti bahasa Malagasi dan hubungkaitnya dengan dunia Austronesia. Bahkan, kajian-kajian beliau yang terakhir ini memperlihatkan kemajuan – selangkah atau dua daripada Dahl: rekonstruksi bentuk purba bahasa Malagasi (Adelaar & Ritsuko 2014).

Menentukan bentuk purba sesebuah bahasa sangat penting dalam linguistik perbandingan sejarah kerana dengannya hubungan sesebuah bahasa dengan bahasa-bahasa lain yang serumpun dapat diselak; dan ini membolehkan pula penjejakan asal-usul bahasa berkenaan dilakukan (Crowley & Bowern 2010). Bagi

bahasa Malagasi, Adelaar (2013) berpandangan rekonstruksi bentuk purbanya membolehkan dijejaki persamaan dan perbezaan dengan bahasa di tanah asalnya, bahasa Barito Purba, yang akan memperkukuhkan teori "*migration from Kalimantan to Madagascar*"; ungkapan yang diabadikan Dahl sebagai judul karyanya.

Sepanjang kegiatan kesarjanaan Dahl yang kebanyakannya tertumpu bagi membongkar misteri asal-usul bahasa dan etnik yang menghuni pulau Madagaskar (disamping memperbaiki rekonstruksi BAP Otto Dempwolff menerusi dua buah bukunya), beliau tetap setia dengan teori yang dikemukakan pada 1951 itu dengan beberapa perubahan dan penambahan disebabkan dialognya dengan Adelaar. Dan teori yang beliau pertahankan, tunjangnya hanya satu: bahasa!

Dengan hanya bahasa sebagai penyokong terkuatnya, maka tidaklah menghairankan jika kemudiannya hal itu menjadikan banyak aspek teorinya bermasalah walau sedaya mana ia dipertahankan. Mujurlah, sebagaimana yang dikatakan Adelaar, teori Dahl walau sekuat mana badai melanda masih kekal utuh. Soalnya, apakah masalahnya? Begini. Walaupun teori Dahl dikatakan berjaya menyelesaikan "*...an important mystery and put an end to various other less well founded speculations about the origins of Malagasy*" (Adelaar 2009b: 149), tetapi teori ini agak kurang mendapat sambutan di luar ilmu linguistik. Bagi Adelaar (2009b: 149-150), ada beberapa sebab yang boleh menjelaskannya (dua daripadanya berkait dengan tunjang yang dipakai Dahl – bahasa), iaitu:

- i. Dari perspektif linguistik sejarawi, cara Dahl menganalisis data bermasalah: terdapat persamaan bunyi yang dicadangkan beliau bertentangan antara satu sama lain, dan etimologi yang ditampilkan seolah-olah hanya dibuat-buat. Sebab itulah beliau gagal melihat yang datanya mengandungi dua lapis bentuk: bentuk warisan BAP dan BMP dan pinjaman daripada bahasa luar Barito.
- ii. Teori Dahl gagal mematuhi aspek tabii tipologi linguistik. Isunya terletak di sini: struktur morfosintaktik bahasa Malagasi (struktur jenis bahasa Filipina) dalam banyak segi lebih konservatif berbanding bahasa-bahasa Barito (struktur jenis Melayu). Persoalannya, bagaimana mungkin dua bahasa yang rapat memiliki struktur yang sangat berbeza?
- iii. Dan, yang terpenting, sehingga sekarang, wujudnya kekurangan bukti-bukti yang menyokong teori Dahl daripada bidang-bidang yang lain. Bukan tidak ada yang berusaha ke arah itu, misalnya menerusi kajian genetik. Namun, masalahnya masih tetap sama, iaitu cara membandingkan data: mengapa dibandingkan DNA orang Maanyan atau etnik-etnik yang mendiami kawasan timur Borneo, bukan DNA Austronesia umumnya?

Adelaar berusaha mengatasi masalah ini. Sebab itu, dalam sebuah tulisan (Adelaar 2009b), beliau menyarankan satu usaha digerakkan bagi mencari titik temu yang dapat meleraikan misteri hubungan Madagaskar-Malayonesia. Saranan ini beliau patuhi. Dalam dua tulisan (Adelaar, akan terbit, 2013b), Adelaar memulakan dialog baru. Bukan lagi dengan Dahl, tetapi dengan peneliti-peneliti daripada pelbagai

disiplin; misalnya, dalam tulisan yang disebut itu, Adelaar berdialog kritis dengan ahli etnografi dan genetik. Tujuannya dialog ini masih sama: menyelesaikan misteri dibalik hubungan Madagaskar-Malayonesia. Beberapa isu penting menjadi pusat tumpuan yang dapat disimpulkan daripada tulisan-tulisan beliau, antaranya: i) mengenai laluan penghijrahan (menerusi lautan terbuka atau pesisir); ii) pengaruh kebudayaan Hindu dan bahasa selatan India yang muncul di Madagaskar (dibawa oleh penutur bahasa Austronesia atau terus dari India); iii) pengaruh kontak pendudukan pasca-Austronesia.

Penutup

Menerusi ulasan yang dipaparkan di sini, iaitu seputar dialog Dahl-Adelaar mengenai asal-usul penutur bahasa Malagasi, syukur juga disebabkan saranan Adelaar, maka kita boleh membayangkan arah penelitian mendatang: membekalkan sokongan rentas disiplin kepada teori Dahl yang masih bertahan itu. Kita boleh melihat ini sebagai peluang untuk terlibat dalam mencari penyelesaian terhadap isu penting. Persoalannya, mahukah kita?, atau yang lebih khususnya, mahukah saya?

Sintok
15 Januari 2015
2:15 p.m

Rujukan

- Adelaar, K. A. Akan terbit. Who were the first Malagasy, and what did they speak? Dlm. Andrea Arci & Alexandra Landmann, *Cultural Transfer in Early Historical Maritime Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Adelaar, K. A. 2013a. Malagasy dialect divisions: Genetic versus emblematic criteria. *Oceanic Linguistics* 52 (2): 457-480.
- Adelaar, K. A. 2013b. *Austronesians in Madagascar: A critical assessment of the works of Paul Ottino and Philippe Beaujard*. Tidak diterbitkan.
- Adelaar, K. A. 2012. *Malagasy phonology history and Bantu influence*. *Oceanic Linguistics* 51 (1): 124-160.
- Adelaar, K. A. 2010. The amalgamation of Malagasy. Dlm. John Bowden, Nikolaus Himmelmann & Malcolm Ross (ed.), *A Journey Through Austronesian and Papuan Linguistic and Cultural Space: Papers in Honour of Andrew Pawley*. Canberra: Pacific Linguistics.
- Adelaar, K. A. 2009a. Loanwords in Malagasy. Dlm. Martin Haspelmath & Uri Tadmor (ed.), *Loanwords in the World's Languages: A Comparative Handbook*. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Adelaar, K. A. 2009b. Towards an integrated theory about the Indonesian migrations to Madagascar. Dlm. Peter N. Peregrine, Ilia Peiros & Marcus Feldman (ed.), *Ancient Human Migrations: A Multidisciplinary Approach*. Utah: The University of Utah Press.
- Adelaar, K. A. 2007. Language contact in the Austronesia Far West. Kertas kerja yang dibentangkan di 3rd Conference on Austronesian Languages and Linguistics, SOAS, London, 21-22 September 2007.
- Adelaar, K. A. 2006. Borneo as a cross-roads for comparative Austronesian linguistics. Dlm. Peter Bellwood, James Fox & Darrel Tryon (ed.), *The Austronesians: Historical and Comparative Perspectives*. Canberra: ANU E Press.

- Adelaar, K. A. 2005. The Austronesian languages of Asia and Madagascar: A historical perspective. Dlm. Alexander Adelaar & Nikolaus Himmelmann (ed.), *The Austronesian languages of Asia and Madagascar*. London & New York: Routledge.
- Adelaar, K. A. 1997. An exploration of directional systems in west Indonesia and Madagascar. Dlm. Gunther Senft (ed.), *Referring to space: Studies in Austronesian and Papuan languages*. Oxford: Clarendon Press.
- Adelaar, K. A. 1996. Malagasy culture-history: Some linguistic evidence. Dlm. Julian Reade (ed.), *The Indian ocean in antiquity*. London & New York: Kegan Paul International.
- Adelaar, K. A. 1995. Asian roots of the Malagasy: A linguistic perspective. *BKI* 151 (3): 325-356.
- Adelaar, K. A. 1994. Malay and Javanese loanwords in Malagasy, Tagalog and Siraya (Formosa). *BKI* 150 (1): 50-65.
- Adelaar, K. A. 1991. New ideas on the early history of Malagasy. Dlm. H. Steinhauer (ed.), *Papers in Austronesian Linguistics*, No. 1. Canberra: Pacific Linguistics.
- Adelaar, K. A. 1989. Malay influence on Malagasy: Linguistic and culture-historical implications. *Oceanic Linguistics* 28 (1): 1-46.
- Adelaar, K. A. & Kikusawa Ritsuko. 2014. Malagasy personal pronouns: A lexical history. *Oceanic Linguistics* 53 (2): 480-516.
- Adelaar, K. A & Himmelmann, N. 2005. *The Austronesian languages of Asia and Madagascar*. London & New York: Routledge.
- Blust, R. 2009. *The Austronesian languages*. Canberra: Pacific Linguistics.
- Crowley, T. & Bowern, C. 2010. *An introduction to historical linguistics*. Oxford: Oxford University Press.
- Dahl, O. T. 1951. *Malagache et maajan: Une comparaison linguistique*. Oslo: Egede-Instituttet (Arne Gimnes Forlag).
- Dahl, O. T. 1991. *Migration from Kalimantan to Madagascar*. Oslo: Norwegian University Press.
- Dyen, I. 1953. Review of *Malagache et maajan: Une comparaison linguistique* by Otto Chr. Dahl. *Language* 29 (4): 577-590.
- Gwyn, C. 2005. The debate over Malagasy origins. *ZIFF Journal* 2: 5-14.
- Nothofer, B. 1995. Bahasa Lom: Dari mana asalnya? Dlm. Liberty P. Sihombing et al. (ed.), *Bahasa Cendekia: Seuntai Kenangan untuk Anton M. Moeliono*. Jakarta: P. T. Intermedia.